

CABARAN PEMANTAPAN HAFALAN AL-QURAN DALAM KALANGAN PARA HAFIZ AL-QURAN: SATU KAJIAN LITERATUR

Oleh:

Wan Khalijah bt. Wan Jusoh¹
Mohd A'Tarahim b. Mohd Razali²
Ahmad b. Abdul Rahman³
Kamariah bt. Abdul Rahman⁴
Nurul Fazlina bt. Mat Zin⁵

Abstrak

Para hafiz al-Quran mempunyai kedudukan yang sangat mulia di sisi Allah S.W.T. Namun, ia bukanlah suatu kemegahan tetapi merupakan suatu amanah yang sangat berat untuk dipikul memandangkan terlalu banyak halangan yang terpaksa dilalui oleh para hafiz semata-mata mahu mengekalkan hafalan al-Quran di dada. Walau bagaimanapun, fenomena lupa hafalan al-Quran telah melanda kebanyakan para hafiz al-Quran yang berpunca daripada pelbagai aspek. Kajian ini dibuat menggunakan kaedah kajian kepustakaan yang melibatkan metode pengumpulan data dan penganalisan data yang diperolehi melalui kajian-kajian lepas. Justeru itu, artikel ini ditulis bertujuan untuk mengenal pasti halangan-halangan dalam memantapkan hafalan al-Quran dalam kalangan para hafiz al-Quran. Dapatan awal mendapati bahawa terdapat empat cabaran utama bagi pemantapan hafalan al-Quran dalam kalangan para hafiz al-Quran iaitu sikap, minat,

¹ Wan Khalijah bt. Wan Jusoh, Pensyarah di Jabatan Usuluddin, Kolej Islam Antarabangsa Sultan (KIAS) dan calon Ph.D di Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).

² Mohd A'Tarahim b. Mohd Razali (Ph.D), Pensyarah di Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).

³ Ahmad b. Abdul Rahman, Pensyarah di Pusat Pengajian Bahasa Dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

⁴ Kamariah bt. Abdul Rahman, Pensyarah di Jabatan Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

⁵ Nurul Fazlina bt. Mat Zin, Pensyarah di Pusat Khidmat Akademik, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).

pengurusan masa serta kaedah menghafaz al-Quran. Oleh itu, penulis mengharapkan agar satu kajian secara terperinci dan menyeluruh dapat dilakukan bagi mengenal pasti apakah halangan sebenar yang mempengaruhi kemantapan hafalan al-Quran dalam kalangan para hafiz al-Quran. Diharapkan agar kajian ini dapat membantu para hafiz al-Quran keluar daripada kemelut lupa hafalan al-Quran yang sering melanda golongan ini demi mencapai objektif pembelajaran tahfiz iaitu melahirkan para hafiz al-Quran yang mempunyai hafazan yang lancar dan mantap.

Kata kunci: *Cabaran, pemantapan, hafalan, hafiz, al-Quran*

PENDAHULUAN

Al-Quran adalah sebuah kitab suci yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W dengan perantaraan Jibril a.s sebagai salah satu rahmat yang tidak ada tolok bandingnya bagi seluruh alam semesta. Di dalamnya terkandung wahyu Ilahi yang menjadi petunjuk dan pedoman kepada umat manusia.⁶ Al-Quran juga merupakan mukjizat yang terbesar dan terus wujud sehingga ke hari ini walaupun terdapat pelbagai usaha yang dilakukan untuk menjatuhkan Islam. Namun, janji Allah S.W.T bahawa tidak akan ada sesuatu perkara pun yang mampu mengubahnya. Oleh itu, menghafal al-Quran adalah satu elemen yang sangat penting dalam usaha mempertahankan kesucian agama Islam ini.

Terdapat pelbagai kelebihan yang telah dijanjikan kepada individu yang menghafal al-Quran ini. Antaranya ialah mendapat syafaat daripada bacaannya,⁷ ibu bapanya dipakaikan dengan perhiasan yang tidak pernah dipakai di dunia⁸ dan lain-lain lagi. Pada masa yang sama, menghafal al-Quran juga dapat mengelakkan diri daripada membuang masa dengan sia-sia, tidak merasai kebimbangan dan kerisauan kerana ia mampu menghilangkan anasir negatif di dalam minda seseorang penghafaz al-

⁶ Monika @ Munirah Abd Razzak, Liyana Nadzirah Md Saril, Nor Hizwani Ahmad Thohir, Nik Mohd Zaim Ab Rahim (2014), "Strategi Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran Melalui Program Televisyen: Kajian di TV al-Hijrah", *Proceeding The 4th Annual International Qur'anic Conference*, h. 2.

⁷ Muḥy al-Dīn al-Nawawī (1994), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī*, no. h. 1871, Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, h. 33.

⁸ Abū 'Abd Allāh al-Ḥākim al-Nāṣībūrī (1978), *Al-Mustadrak 'alā al-Ṣaḥīḥayn*, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 568.

Quran. Oleh yang demikian, bidang hafalan al-Quran ini terus berkembang berikutan wujudnya kesedaran ibu bapa untuk menghantar anak-anak ke pusat-pusat tahfiz.⁹

Namun begitu, menjalani kehidupan sebagai manusia biasa yang sibuk dengan segala urusan kehidupan seperti kerjaya, urusan rumah tangga, tanggungjawab sosial dan sebagainya dan dalam masa yang sama merupakan seorang hafiz al-Quran bukan suatu perkara yang senang dan mudah. Ia memerlukan kepada penyusunan kaedah yang tepat dan sistematik bagi tujuan menyeimbangkan antara tuntutan kehidupan dengan tanggungjawab yang besar sebagai seorang hafiz al-Quran. Kaedah ini penting bagi menjaga kualiti hafalan al-Quran kerana hafalan itu mudah hilang dan luput dari ingatan penghafaznya.¹⁰

PERMASALAHAN KAJIAN

Para hafiz al-Quran mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Allah S.W.T, begitu juga pada pandangan manusia sejagat. Namun, ia bukanlah kebanggaan dan kemasyhuran semata-mata tetapi merupakan suatu tanggungjawab yang besar dan perlu dipikul kerana ia adalah secara langsung daripada Allah S.W.T.¹¹ Hal demikian para hafiz al-Quran ini perlu mengambil perhatian yang serius terhadap tindakan yang patut dilakukan oleh mereka demi menjaga kualiti hafalan al-Quran agar terus kekal dalam ingatan sama ada mereka masih berada di pusat pengajian tahfiz ataupun yang telah menamatkan pengajian.

Ilham Agus Sugianto dalam tulisannya mengatakan bahawa masalah lupa hafalan al-Quran bukan hanya dialami oleh sebahagian kecil para hafiz al-Quran tetapi ia sebenarnya dihadapi oleh hampir keseluruhan para hafiz al-Quran. Tugas menjaga hafalan al-Quran agar tidak hilang dan luput daripada ingatan bukan sesuatu perkara yang mudah tetapi sangat susah dan sukar. Antara masalah yang sering dialami oleh para penghafaz al-Quran ini ialah ayat-ayat yang telah dihafaz dan diingati dengan lancar

⁹ Anis Syahirah Fauzan & Sabri Mohamad (2017), “Kesan Hafazan al-Quran dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Pelajar”, *Jurnal al-Turāth*, vol. 2, no. 2, 2017, h. 55.

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ Abdul Hafiz Abdullah & Norhanan Abd Rahman (2009), *Kaedah Hafalan al-Quran Sistem Turki: Kajian di Tahfiz al-Quran Darul Tuba, Tangkak, Johor*, t.tp.: t.pt., h. 2.

saat dihafaz pada awal pagi tidak mampu diingati dan dibayangkan dalam minda saat ingin diperdengarkan kepada guru dan orang lain.¹²

Seterusnya, Azmil Hashim dalam kajiannya mengatakan bahawa pencapaian pelajar tahfiz dalam ujian mata pelajaran *syafawi* adalah masih lemah dan belum mencapai objektif pendidikan tahfiz iaitu berkemampuan menghafal al-Quran dengan baik dan lancar. Objektif ini tidak tercapai berikutan para hafiz al-Quran ini tidak mampu memilih kaedah yang tepat dan sistematik dalam menghafal al-Quran. Sedangkan proses mengulangkaji merupakan satu perkara yang sangat penting dan perlu diberi penekanan bagi seseorang hafiz al-Quran demi memastikan hafalan al-Quran tersebut terus segar dan kekal dalam ingatan para penghafaznya.¹³

Pada masa yang sama, kajian yang dilakukan oleh Khairul Anuar Mohamad telah mendapati bahawa ramai dalam kalangan para hafiz al-Quran hanya mampu menghafal al-Quran semasa sesi pengajian sahaja, namun mereka melupai hafalan al-Quran itu selepas selesainya sesi pengajian tersebut. Ini kerana telah menjadi sesuatu yang sangat sukar bagi seseorang hafiz al-Quran itu untuk mengingati kesemua ayat hafalan yang telah dihafal sebelumnya sekiranya mereka tidak mampu mengurus masa dengan baik, mengambil sikap lewa, tiada motivasi yang tinggi serta tidak mampu mengawal diri daripada sifat-sifat tercela yang menjadi penyebab kepada lemahnya daya ingatan mereka.¹⁴

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Yusri b. Chek dan Muhammad Toriq Yaacob terhadap 445 orang pelajar tahfiz al-Quran turut mendapati bahawa sebanyak 21.27% daripada jumlah pelajar tersebut gagal dalam ujian hafalan al-Quran. Sedangkan antara objektif pembelajaran kursus hafalan al-Quran adalah untuk melahirkan para hafiz yang menguasai hafalan al-Quran. Pencapaian ini adalah suatu perkara yang merugikan kerana para pelajar tahfiz ini tidak mampu mengingati al-Quran di alam pembelajaran, apatah lagi jika sudah menamatkan pengajian dari institut pengajian tahfiz yang mana suasana persekitarannya

¹² Ilham Agus Sugianto (2014), *Kiat Praktis Menghafal al-Quran*, Bandung: Mujahid Press, h. 100.

¹³ Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali dan Mohd Aderi Che Noh (2014), "Kaedah Pembelajaran Tahfiz dan Hubungannya Dengan Pencapaian Hafalan Pelajar", *Journal of al-Quran and Tarbiyyah*, vol 1(1), h. 8-17.

¹⁴ Khairul Anuar Mohamad (2016), *Sistem Kawalan Kualiti Hafiz al-Quran*, Selangor: Institut Latihan Islam Malaysia, h. 106.

lebih mencabar dan berbeza sama sekali dengan situasi di pusat tahfiz sekarang.¹⁵

Seterusnya, Suriyani Sulaiman dalam kajiannya turut mengatakan bahawa satu kajian telah dilakukan oleh sekumpulan penyelidik ke atas dua buah Maahad Tahfiz iaitu Maahad Tahfiz Kubang Bujuk dan Kuala Lumpur telah mendapati sebanyak 13.6% daripada responden mengatakan bahawa mereka tidak yakin dapat mengekalkan hafalan al-Quran dan sebanyak 22.0% responden juga berasa sangat risau dan bimbang jika mereka tidak berjaya mengekalkan hafalan setelah tamat pengajian nanti. Ini bermaksud sebanyak 35.6% responden berasa ragu-ragu terhadap keupayaan mereka untuk menjaga dan mengingati al-Quran yang telah dihafaz setelah menamatkan pengajian nanti.¹⁶

KAJIAN LITERATUR

Hakikatnya, menjadi tanggungjawab bagi seseorang hafiz al-Quran untuk mengingati dan mengekalkan hafalan al-Quran agar tidak hilang atau lupa dari ingatan kerana melupakan hafalan al-Quran setelah menghafalnya ialah suatu dosa di sisi Allah S.W.T. Antara punca lupa hafalan dalam kalangan hafiz al-Quran adalah berpunca daripada strategi pengurusan masa yang lemah, cintakan dunia dan terlalu sibuk dengannya, hati yang kotor dan banyak melakukan maksiat, tidak sabar, malas dan mudah berputus asa dalam mengulang al-Quran, niat yang tidak ikhlas kerana Allah S.W.T semata-mata, serta sukar membezakan ayat-ayat *mutashābih*.

Ahmad Rosidi yang turut mengatakan bahawa antara punca kegagalan para hafiz al-Quran dalam menghafal al-Quran adalah disebabkan sikap yang terlalu cintakan kemewahan dunia, tidak merasai kenikmatan di saat membaca al-Quran, tidak merasai keagungan al-Quran, hati yang kotor dan terlalu banyak maksiat, tidak sabar dan malas dalam menghadapi kesulitan menghafal al-Quran, tidak bersemangat dan keinginan yang lemah, niat yang tidak ikhlas kerana Allah S.W.T, tidak mampu mengatur masa dengan baik, keliru dalam membezakan ayat-ayat

¹⁵ Yusri b. Chek & Muhammad Toriq Yaacob (2016), *Faktor yang Mempengaruhi Kegagalan Pelajar dalam Peperiksaan Kursus Hifz al-Qur'ān: Satu Kajian di Darul Quran, JAKIM*, Selangor: Darul Quran, JAKIM, h. 10.

¹⁶ Siti Suriyani Sulaiman (2018), "Kaedah Hafalan: Suatu Tinjauan Ringkas", *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, vol. 2 (1), h. 1-2.

yang *mutashābih* serta melakukan sedikit pengulangan terhadap ayat-ayat hafalan al-Quran yang diperolehi sebelum ini.¹⁷

Di samping itu, Subandi dalam kajiannya berpendapat bahawa masalah lupa hafalan al-Quran berlaku disebabkan oleh sikap malas dan enggan para hafiz al-Quran ini dalam mengulang al-Quran serta pemilihan waktu yang kurang sesuai dan tepat seperti setelah solat Subuh dan setelah solat Maghrib. Sedangkan waktu yang paling sesuai dan patut dimanfaatkan oleh para hafiz al-Quran untuk menghafal al-Quran adalah sebelum solat Subuh. Walau bagaimanapun, ia tidak dimanfaatkan dengan sebaik mungkin oleh para hafiz al-Quran ini untuk menghafal dan mengulang al-Quran menyebabkan hafalan mereka ini sedikit dan tidak bertambah.¹⁸

Pendapat ini disokong oleh Fatahurrahman dalam kajiannya yang mengatakan bahawa kegagalan para hafiz dalam mengingat al-Quran adalah berpunca daripada sikap mereka yang tidak memberikan sepenuh perhatian dalam menghafal al-Quran. Hal ini menyebabkan para hafiz al-Quran mengalami masalah seperti kecelaruan memelihara hafalan, disiplin diri yang sangat lemah, kegelisahan jiwa, gangguan perasaan dan sebagainya. Tanpa penjagaan dan pengulangan terhadap apa yang telah dihafaz, maka ia akan menjadi lebih susah untuk mengembalikannya semula, bahkan ia akan menjadi lebih susah daripada menghafal al-Quran pada kali yang pertama.¹⁹

Dalam masa yang sama, masalah lupa hafalan al-Quran juga turut dikenal pasti berlaku disebabkan kealpaan para hafiz al-Quran itu sendiri yang memandang ringan terhadap tanggungjawab besar tersebut. Ini dibuktikan dengan kajian yang dilakukan oleh Ashraf Ismail yang mengatakan bahawa persoalan mengenai proses mengulang al-Quran dan *ithbāt* hafalan seringkali dipandang ringan dan sepi oleh kebanyakan para hafiz al-Quran. Ia terjadi berikutan kelemahan dalam mengatur strategi bagi mengurus kesibukan terus menerus dalam urusan kehidupan seharian.

¹⁷ Ahmad Rosidi (2014), Strategi Pondok Tahfiz al-Quran dalam Meningkatkan Motivasi Menghafal al-Quran, Tesis Sarjana Pendidikan Islam, t.tp., h. 68-77.

¹⁸ Subandi (2012), *Problematika Pembelajaran Tahfiz al-Quran di Lingkungan Masyarakat Kota*, Tesis Sarjana Pendidikan Islam, t.tp., h. 5.

¹⁹ Fatahurrahman Mohd Hafid (2005), “Tahap Kualiti Hafalan al-Quran dan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhinya: Satu Kajian ke Atas Pelajar Semester Enam Darul Quran”, *Projek Penyelidikan Darul Quran, JAKIM*, h. 15.

Hakikatnya, proses mengekalkan hafalan al-Quran sebenarnya lebih sukar daripada permulaan menghafal al-Quran.²⁰

Seterusnya, kelemahan dan kegagalan dalam mengingat al-Quran juga adalah disebabkan ketiadaan motivasi yang tinggi, pemilihan teknik mengulang yang tidak sesuai serta strategi pengurusan masa yang lemah. Ia disokong oleh kajian yang telah dilakukan oleh Azmil Hasyim yang mengatakan bahawa kelemahan dalam pencapaian para pelajar dalam mata pelajaran hafalan al-Quran adalah berpunca daripada kelemahan dalam penyusunan strategi, ketiadaan motivasi yang tinggi, tidak sabar dan gigih serta pemilihan kaedah menghafal yang tidak tepat dan bersesuaian. Keseluruhan itu menjadi penyebab kepada kegagalan para hafiz al-Quran untuk mengingat al-Quran dengan baik dan lancar.²¹

Selain itu, pengurusan masa yang lemah, mengabaikan tanggungjawab serta tidak berdisiplin dalam mengulangkaji al-Quran juga turut menjadi penyebab berlakunya lupa hafalan al-Quran dalam kalangan para hafiz al-Quran. Perkara ini akan memberi kesan negatif terhadap kualiti hafalan al-Quran mereka kerana kekuatan hafalan akan menjadi lemah dan luput daripada ingatan kerana hafalan yang lancar dan mantap sama sekali tidak akan diperolehi tanpa mengulangkaji secara terus-menerus daripada menghafalnya. Bahkan menjadi satu tanggungjawab yang sangat besar bagi para hafiz untuk terus memastikan hafalan al-Quran tersebut terus mekar dalam ingatan sehingga ke akhir hayat mereka.²²

Di samping itu, para penghafaz al-Quran seharusnya bijak menyusun strategi dalam mengimbangi masa antara tuntutan urusan seharian dengan tanggungjawab bergelar hafiz al-Quran. Pengurusan masa yang baik akan menentukan keberhasilan dalam menghafal al-Quran. Manakala kelemahan dalam menyusun masa akan menyebabkan hafazan al-Quran tersebut akan luput daripada ingatan para hafiz al-Quran. Manakala menurut Ahsin W dalam tulisannya mengatakan bahawa antara waktu-waktu yang sesuai untuk menghafal al-Quran ialah sebelum solat

²⁰ Ashraf Ismail, Ab. Halim Tamuri, Kamarulzaman Abdul Ghani, Nurul Hudaa Hassan (2010), *Pengajaran Berkesan Hafalan al-Quran Berdasarkan Jumlah Ayat*, t.tp.: t.pt, h. 94-95.

²¹ Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali dan Mohd Aderi Che Noh, *op. cit.*, h. 8-17.

²² Muhammad Syafee Salihin, Ikmal Zaidi Hashim, Nik Mohd Nabil Nik Hanafi, Fatin Nazmin Mansor & Mawaddah Ahmad Mahi (2018), "Penghayatan *Murāja'ah* al-Quran dalam Kalangan Pelajar Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)", *Proceeding 5th International Research Management & Innovation Conference, Putrajaya*, h. 1.

Subuh, setelah solat Subuh sehingga terbit matahari, selepas solat fardu dan selepas Maghrib sehingga Isyak.²³

Pengurusan masa yang bijak dan bersesuaian dengan seseorang hafiz al-Quran itu sangat penting kerana ia akan mempengaruhi kualiti hafalan seseorang hafiz al-Quran. Pendapat ini disokong oleh kajian yang telah dilakukan oleh Yusri b. Chek dan Muhammad Toriq b. Yaacob bahawa kejayaan dan keberlangsungan pembelajaran dan pengajaran tahfiz adalah sangat berkait rapat dengan kaedah dalam menghafal dan mengulangkaji al-Quran, motivasi yang diberikan sama ada daripada keluarga, rakan-rakan dan lain-lain serta kaedah dan pemilihan waktu menghafal dan mengulangkaji al-Quran yang sangat memberi kesan terhadap kualiti hafazan.²⁴

Memandangkan fenomena “lupa” sering dialami para hafiz al-Quran, maka kajian khusus dan mendalam perlu dilakukan berkaitan cabaran-cabaran dalam memantapkan hafalan al-Quran dalam kalangan para hafiz al-Quran. Kajian menyeluruh perlu dilakukan agar dapat mencari pendekatan terbaik bagi menyelesaikan fenomena “lupa” al-Quran dalam kalangan para hafiz al-Quran.

KESIMPULAN

Proses menghafal al-Quran adalah salah satu keajaiban al-Quran di mana tidak ada kitab selainnya yang mampu dihafal oleh umat manusia dalam jumlah yang sangat banyak. Kajian ini menunjukkan bahawa pelbagai halangan telah dilalui oleh para hafiz al-Quran bagi mengekalkan hafalan al-Quran di dalam dada antaranya dipengaruhi oleh sikap, minat, pengurusan masa dan kaedah menghafaz al-Quran. Kesimpulannya, jelaslah bahawa elemen-elemen tersebut mempunyai perkaitan yang kuat terhadap keberhasilan hafalan al-Quran dalam kalangan para hafiz al-Quran. Oleh yang demikian, perkara tersebut perlu diambil berat oleh para penghafal al-Quran khususnya dan pentadbir pusat tahfiz umumnya bagi merangka kurikulum pengajaran dan pembelajaran tahfiz yang lebih berkesan agar tercapainya matlamat bagi melahirkan generasi al-Quran yang mempunyai hafalan al-Quran yang lancar dan mantap.

²³ Ahsin W (2000), *Bimbingan Praktis Menghafal al-Quran*, Jakarta: Bumi Askara, h. 57.

²⁴ Yusri Chek & Muhammad Toriq Yaacob, *op. cit.*, h. 10-41.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Hafiz Abdullah & Norhanan Abd Rahman (2009), *Kaedah Hafalan al-Quran Sistem Turki: Kajian di Tahfiz al-Quran Darul Tuba*, Tangkak, Johor, t.tp.: t.pt.
- Abū ‘Abd Allāh al-Ḥākim al-Nāisābūrī (1978), *Al-Mustadrak ‘alā al-Sahīḥayn*, Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Ahmad Rosidi (2014), *Strategi Pondok Tahfiz al-Quran Dalam Meningkatkan Motivasi Menghafal al-Quran*, Tesis Sarjana Pendidikan Islam, t.pt.
- Ahsin W (2000), *Bimbingan Praktis Menghafal Al-Quran*, Jakarta: Bumi Askara.
- Anis Syahirah Fauzan & Sabri Mohamad (2017), “Kesan Hafazan al-Quran dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Pelajar”, *Jurnal al-Turāth*, vol. 2, no. 2.
- Ashraf Ismail, Ab. Halim Tamuri, Kamarulzaman Abdul Ghani, Nurul Huda Hassan (2010), *Pengajaran Berkesan Hafalan al-Quran Berdasarkan Jumlah Ayat*, t.tp.: t.pt.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali dan Mohd Aderi Che Noh (2014), “Kaedah Pembelajaran Tahfiz dan Hubungannya Dengan Pencapaian Hafalan Pelajar”, *Journal of al-Quran and Tarbiyyah*, vol 1(1).
- Fatahurrahman Mohd Hafid (2005), “Tahap Kualiti Hafalan al-Quran dan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhinya: Satu Kajian ke Atas Pelajar Semester Enam Darul Quran”, *Projek Penyelidikan Darul Quran, JAKIM*.
- Ilham Agus Sugianto (2014), *Kiat Praktis Menghafal al-Quran*, Bandung: Muijahid Press.
- Khairul Anuar Mohamad (2016), *Sistem Kawalan Kualiti Hafiz al-Quran*, Selangor: Institut Latihan Islam Malaysia.
- Monika @ Munirah Abd Razzak, Liyana Nadzirah Md Saril, Nor Hizwani Ahmad Thohir, Nik Mohd Zaim Ab Rahim (2014), “Strategi Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran Melalui Program

Televisyen: Kajian di TV al-Hijrah”, *Proceeding The 4th Annual International Qur’anic Conference*.

Muhammad Syafee Salihin, Ikmal Zaidi Hashim, Nik Mohd Nabil Nik Hanafi, Fatin Nazmin Mansor & Mawaddah Ahmad Mahi (2018), “Penghayatan Muraja’ah al- Quran dalam Kalangan Pelajar Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)”, *Proceeding 5th International Research Management & Innovation Conference, Putrajaya*.

Muḥy al-Dīn al-Nawawī (1994), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī*, Bayrūt: Dār al-Ma’rifah.

Siti Suriyani Sulaiman (2018), “Kaedah Hafalan: Suatu Tinjauan Ringkas”, *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, vol. 2 (1).

Subandi (2012), Problematika Pembelajaran Tahfiz al-Quran di Lingkungan Masyarakat Kota, Tesis Sarjana Pendidikan Islam, t.tp.

Yusri bin Chek & Muhammad Toriq Yaacob (2016), *Faktor yang Mempengaruhi Kegagalan Pelajar dalam Peperiksaan Kursus Ḥifẓ al-Qur’ān: Satu Kajian di Darul Quran, JAKIM*, Selangor: Darul Quran, JAKIM.